

Bercakap Tentang Kemerdekaan Terlalu Mudah*



AUDARA-saudara sekalian lelaki dan perempuan. Saya sekarang hendak bercakap dengan ringkasnya menyatakan bahawa mulai pagi ini akan diadakan Mesyuarat Majlis Agung UMNO. Ahli-ahlinya akan membahaskan perkara susunan pemerintahan dalam negeri-negeri Melayu bagi masa akan datang kelak.

Barangkali tuan-tuan masih ingat lagi sedikit masa dahulu di pekan Alor Setar ini juga umat Melayu di negeri Kedah berkumpul beribu-ribu ramainya membantah Malayan Union yang telah di-datangkan oleh pihak Kerajaan British. Terbit daripada bantahan itu maka perasaan orang Melayu telah bangkit dengan menerbitkan bantahan di seluruh tanah air ini. Kerana yang demikian pihak Melayu telah dapat tawaran dari pihak British yang bersedia hendak mencari jalan berdamai dan hendak mengubah semula dasarnya terhadap Melayu dengan mengembalikan hak tuan punya Tanah Melayu ini kepada orang Melayu.

Sebagaimana telah dinyatakan di dalam rang perjanjian Persekutuan Tanah Melayu itu adalah akan didapati bantahan pihak Melayu telah berhasil dan perjanjian MacMichael akan ditanam. Sebuah Persekutuan Tanah Melayu akan timbul mengandungi sembilan buah negeri Melayu serta Melaka dan Pulau Pinang. Adapun hal ini ialah satu perubahan besar dalam riwayat masing-masing memikirkan dirinya sahaja. Begitu juga orang negeri Melayu yang lain memikirkan muslihat negeri masing-masing sahaja. Sekarang fikiran itu akan hapus di mana-mana pun. Seorang itu berada di dalam ne-

* Ucapan di Majlis Mesyuarat Agung UMNO di Balai Besar Alor Setar, Kedah, pada 10 hingga 12 Januari 1947.

geri Melayu bersefahaman iaitu memandang Semenanjung Tanah Melayu ini ialah tanah air dan negeri orang Melayu.

Rundingan dan bahasan yang akan diadakan oleh wakil persekutuan-persekutuan Melayu yang berkembar dengan UMNO mulai hari ini membawa kepada esok dan lusa ialah bagi menimbangkan tiap-tiap yang ada tersusun di dalam perjanjian itu. Berbagai pihak di dalam Semenanjung ini akan berdiri menyertai dan menyokong butir-butir berbagai syor yang membantah yang dibuat oleh pihak UMNO yang diakui oleh orang Melayu pada menyusun cara pemerintahan dalam negeri-negeri Melayu supaya berkeadaan sebagai sebuah negeri Melayu dan akan kekal tinggal sebagai negeri Melayu.

Saya ada mendengar dan juga tuan-tuan, beberapa surat khabar menyebut berkehendakkan kemerdekaan penuh. Tetapi siapakah tidak berkehendakkan kemerdekaan penuh itu? Atas tuntutan itu hendaklah kita tunjukkan kebolehan kita supaya barang yang sudah kita pegang itu tidak terlepas daripada tangan kita. Perkara ini bukanlah boleh diselesaikan sebagai lakonan yang dilakukan di panggung itu tinggal di situ sahaja. Perkara ini berkenaan dengan negeri, maka tidaklah boleh dibuat seperti itu. Apa yang ditimbangkan hari ini ialah untuk dijalankan hari esoknya, bukanlah boleh dipermain bercakapkan tentang kemerdekaan terlalu sahaja mudah tetapi kita hendak kemerdekaan itu apabila didapati kekal di tangan kita. Perkara ini berat dan susah. Saya sendiri mendengar ada pihak menuntut supaya negeri ini dimerdekakan hari ini juga.

Saya bertanya seorang daripadanya bagaimana caranya merdeka, siapa akan menjalankan pemerintahan itu? Jawabnya seorang Yang Dipertua. Saya tanya siapa orang Melayunya? Jawabnya nanti difikirkan dahulu. Saya tanya: Adakah cukup seorang Yang Dipertua sahaja? Bagaimana menteri-nya, sudahkah disusunkan? Jawabnya nanti fikirkan dahulu. Kata saya kerajaan itu berkehendakkan Menteri Besar dan banyak menteri yang lain lagi seperti Menteri-menteri Keamanan, Pelajaran, Keselamatan dan berbagai lagi. Saya tanya adakah orang Melayu sudah cukup layak jadi menteri-menteri itu? Jawabnya setelah kita latih dahulu. Kata saya kita sifatkanlah kita sudah ada orang kelayakan, tetapi adakah puas dengan keadaan itu? Tidakkah Tanah Melayu ini berjiran dengan negeri lain? Tidakkah negeri kita hendak berhubung dengannya. Bagaimana hendak menghubungkan kerajaan awak dengan negeri-negeri lain ini? Sebagai

negeri merdeka berdiri di atas kakinya sendiri wakilnya dihantar ke lain negeri. Manakah orang Melayu yang hendak dihantarkan ke London, Washington, Moscow, Betawi, Filipina dan berpuluh-puluh tempat lagi?

Bagaimana hendak menjalankan kerajaan jika kita sendiri tiada orang? Sekarang ini ada satu Pertubuhan Bangsa-bangsa bernama U.N.O. Tidakkah kerajaan kita itu berkehendak menghantar wakil yang layak bertengkar dengan Molotov, Vishinsky dan ahli siasah dunia? Kita kehendaki ahli siasah dunia, bukan ahli siasah mimpi. Saya tanya lagi dalam Tanah Melayu ini penduduk separuh bukan bangsa Melayu, jika mereka tiada suka kepada kerajaan kita bagaimana? Jawabnya, kita lawan. Tetapi kata saya hendak dilawankan adakah memadai dengan parang panjang sahaja? Tidakkah berkehendakkan kapal terbang, meriam dan sebagainya? Jawabnya kita buat. Saya tanya adakah kita perkakas dan kilang-kilang membuatnya? Jawabnya kita beli. Saya tanya mana wang kita. Jawabnya kita cap. Orang Jepun dahulu mengecap wangnya. Kita tahu harganya hingga telur ayam yang berharga dua tiga sen itu berharga seratus ringgit duit Jepun sebab tiada siapa mengakunya. Apa sandaran kita? Barang-barang jadi sandaran kita ialah bijih dan getah, tetapi semua berkehendakkan perkakas-perkakas dan modal-modal baharu dapat dikerjakan.

Saya tanya lagi jika pihak lawan kita itu melawan sungguh sementara kita belum cukup kesiapan bagaimana pula? Jawabnya kita minta bantu dari Indonesia. Betul, kata saya, kita sangat berhajat bantuan saudara kita di sana, tetapi kita mesti fikir saudara kita itu belum dapat lagi membetulkan dirinya, bagaimana cara kita hendak mendapat bantuan? Jawabnya dengan sampan. Tetapi saya tanya jika pihak yang melawan kita itu mendatangkan bantuan dari negerinya dengan tongkang yang lebih ramai isinya daripada sampan, apa kata? Langsung dia tidak menjawab lagi.

Tidak faedah jika kita berangan-angan sahaja dengan tidak memerhatikan hal keadaan di keliling pinggang kita. Kita sekarang ini hendak melatih anak-anak kita supaya layak cukup dengan tidak payah diganggu oleh siapa-siapa lagi. Di tepi saya di atas balai ini ada tertulis 'Pimpinlah kami kepada jalan yang selamat'. Inilah fikiran yang sempurna, yakni bukannya membawa sengsara kepada bangsa kita. Orang Melayu di ladang-ladang sendiri sudah merasa sengsara itu. Orang Melayu sendiri sudah merasa demokrasi Bintang

Tiga setahun dahulu dari kerajaan yang mengaku konon terdiri tiga bangsa iaitu Cina, Melayu dan India, tetapi yang memerintah masa itu Cina sahaja. Di manauduknya orang Melayu?

Tujuan kita hendak menjadi negeri ini sebenar negeri Melayu, segala hak mesti di tangan Melayu. Oleh itu janganlah terpedaya oleh puak yang kononnya membela Melayu tetapi membantu orang menuntut hak Melayu itu: di antara kita di puak yang menjalankan siasahnya sendiri tetapi jadinya membantu juga bangsa lain yang menuntut hak Melayu itu. Orang negeri ini hendaklah berfikir baik-baik dan hendaklah buangkan angan-angan dan mimpi-mimpi daripada kepala kita. Hendaklah ingat di sekeliling kita banyak-banyak tetapi mesti yakin adapun merbahaya itu akan dapat ditolak dengan jalan bersatu.

Saya bercakap ini bukan sebagai hendak bermusuhan dengan bangsa asing. Saya dahulu telah berkata kita hendaklah berbaik-baik dengan bangsa lain dalam pekerjaan mencari nafkah, tetapi di sebalik itu kita mesti ingat bahawa negara ini negara Melayu yang mesti kita utamakan.

Inilah sahaja yang hendak saya cakapkan. Perkara yang lain akan dibahaskan dalam majlis ini. Dan juga diberi peluang kepada orang ramai, kalau hendak dengar mesyuarat ini bolehlah tunggu setakat yang daya upaya. Saya berpesan, kita hendaklah berfikir baik-baik satu perkara itu, janganlah menurut hati yang geram, kerana menurut hati yang panas dan geram tidak berfikir baik-baik adalah seumpama hendak membunuh diri kita sendiri. Hidup Melayu.